

21/09/1999

Dr M dedah Azmi, Aziz dituduh racunkan Anwar

KANGAR, Isnin - Penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim dikatakan menuduh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid dan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, terbabit meracun bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mendedahkan perkara itu berkata beliau dimaklumkan mengenai dakwaan itu hari ini, tetapi tidak menyatakan sumber maklumat berkenaan.

Berucap pada majlis Perhimpunan Bersama Rakyat yang dihadiri 25,000 penduduk pelbagai lapisan masyarakat di Stadium Utama di sini malam ini, Dr Mahathir berkata, penyokong Anwar turut mengugut untuk membunuh Abdul Aziz.

"Hari ini saya dapat tahu bahawa mereka menuduh dua orang. Seorang Timbalan Menteri dari Perlis kononnya memasukkan racun dalam makanan Anwar.

"Seorang lagi ialah Setiausaha Politik saya, Aziz Shamsuddin yang dituduh meracun Anwar dan mereka mengugut untuk membunuh Aziz Shamsuddin," katanya pada perjumpaan terakhir dalam siri lawatannya ke seluruh negara.

Turut hadir, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim, Menteri Penerangan Tan Sri Mohd Khalil Yaakob yang juga Setiausaha Agung Umno dan Ketua Penerangan Umno, Datuk Yusuf Noor.

Dalam ucapan lebih sejam, Dr Mahathir juga mengulangi nasihatnya agar penyokong Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang dipimpin Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, meninggalkan parti itu kerana penubuhannya hanya untuk membebaskan Anwar tanpa mempedulikan nasib rakyat dan negara.

Perdana Menteri juga berkata, dakwaan kononnya kerajaan meracun Anwar adalah helah untuk melengahkan perbicaraan bekas timbalannya itu, selain untuk mengambil kesempatan ketika persidangan undang-undang Komanwel baru-baru ini serta mendorong penyokongnya merusuh dan berdemonstrasi.

Katanya, perbuatan itu bukan kali pertama yang dilakukan Anwar kerana pada 1974 dakwaan juga dibuat kononnya ada seorang budak di Baling (Kedah) mati kebuluran.

"Dengan itu dia hasut penuntut universiti supaya berdemonstrasi seperti yang dilakukan sekarang," katanya.

Sebaliknya, menurut Perdana Menteri, dakwaan kanak-kanak itu meninggal dunia kerana kebuluran adalah tidak benar.

"Jadi tabiat 1974 itu belum hilang lagi. Amat mendukacitakan sekali Anwar pada masa itu membakar semangat penuntut membawa cerita palsu ini. Inilah cara Anwar menghasut supaya orang mengugut dan dia hanya tengok.

"Sewaktu dia menghasut, penyokongnya pergi ke bangunan Umno (pada malam pemecatannya) untuk memecah tingkap dan pergi ke rumah saya supaya membakar. Selepas menghasut penyokongnya menderu ke bangunan Umno dan dia tak ada di situ.

"Inilah penghasut nombor satu. Dia sendiri lari tapi suruh orang lain terima segala balasan," katanya.

(END)